

فتيقن قيته

PETIKAN TITAH

“DENGAN turunya Al-Qur'an, manusia menjadi beriman, iaitu suatu nikmat yang tidak ternilai harganya. Kerana imanlah semua rahsia, dan semua jalan kebajikan terbuka untuk dilalui. Inilah namanya cahaya, iaitu iman yang berpunca daripada Al-Qur'an”. - Titah Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1424 Hijrah pada 17 Ramadan 1424 / 11 November 2003.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“AL-QUR'AN ini sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu dan umatmu wahai Muhammad, kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayat-Nya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.” - (Surah Shaaad, ayat 29).

TAHUN 57 / BILANGAN 94

6 OGOS 2012 / 1433 رمضان 17

EDISI ISNIN / PERCUMA

Al-Qur'an panduan hidup Tanggungjawab semua untuk mempertahankan, memelihara dan menjaga keasliannya

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dengan menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan hidup umat Islam akan mampu mencapai kejayaan sebagaimana pada zaman keemasannya dahulu.

Tetapi sekarang, titah baginda, umat Islam tertinggal di belakang kerana mereka tidak atau kurang mengambil inspirasi dari Al-Qur'an.

“Al-Qur'an cuma dibaca tidak dijadikan panduan. Sepatutnya di samping kita membaca isinya juga

hendaklah dijadikan dasar dan asas panduan,” tegas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Jelas titah baginda, tidak boleh tidak adalah menjadi kewajipan umat Islam untuk kembali kepada petunjuk Al-Qur'an bagi meraih kegemilangan dalam makna lain kita perlu bangun selaku generasi pembaca, di samping sekali gus menjadi pengamal ajaran Al-Qur'an itu.

Terdahulu daripada itu, baginda bertitah, bahawa kekuatan Islam terletak pada Al-Qur'an dan kekuatan Al-Qur'an pula terletak pada keasliannya yang tidak dicemari oleh ta-

ngan-tangan manusia.

Tegas baginda, adalah menjadi tanggungjawab setiap kita untuk mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian tersebut.

Antara cara kita mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian itu, titah baginda ialah melalui aktiviti penghafalan ayat-ayat Al-Qur'an itu.

Dalam hubungan itu baginda melahirkan perasaan gembira bahawa aktiviti penghafalan Al-Qur'an adalah sedang berkembang dengan baiknya di negara ini dan berharap dengan adanya pertandingan menghafal Al-Qur'an seperti yang berjalan pada masa ini dan juga dengan adanya Institut Tahfiz Al-Quran maka kita insya-Allah ada harapan untuk dapat melahirkan lebih ramai lagi penghafal-penghafal Al-Qur'an yang berilmu dan berkualiti.

Ke muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Beberapa skim penggalak membaca Al-Qur'an diperkenalkan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memperkenalkan beberapa skim penggalak berupa elaun bulanan kepada sesiapa yang diperakui lulus hafalan oleh Lembaga Tasmie mengikut kategori untuk melahirkan generasi Al-Qur'an.

Ke muka 24

DI DALAM



Muka 5

MAJLIS Khatam
Al-Qur'an
di Istana Nurul Iman



Muka 6


TADARUS
rombongan KHEDN



Muka 7

RAMADAN amat
signifikan bentuk
insan *muttaqin*

Berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3 dan 4).

Amalkan sifat jujur, amanah, bertanggungjawab

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada kita sekalian yang mana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita semua dapat berkumpul di tempat yang mulia ini bagi Majlis Penyampaian Tauliah Amil Seluruh Negara Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi ini.

Saya sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa yang mengendalikan majlis ini kerana telah menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Tauliah Kepada Amil ini dan seterusnya akan menyerahkan tauliah kepada amil-amil yang telah dilantik bagi tahun 1433-1434 Hijriah bersamaan 2012-2013 bagi tempoh selama satu tahun mulai 1 Ramadan 1433 sehingga 30 Syaaban 1434.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua amil-amil yang telah dilantik pada tahun ini yang akan menerima tauliah mereka masing-masing pada hari ini. Lantikan amil-amil ini adalah atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Lantikan ini merupakan suatu amanah dan kepercayaan baginda supaya para amil akan melaksanakan tugas mengutip zakat di negara ini mengikut kawasan masing-masing dengan jujur dan penuh tanggungjawab serta patuh kepada peraturan dan arahan-arahan yang diberikan bagi melaksanakan tugas sebagai amil itu. Dalam tempoh ini para amil yang dilantik adalah diberi mandat dan manah untuk mengutip dan menerima zakat fitrah sepanjang bulan Ramadan yang akan datang ini dan juga mengutip dan menerima zakat harta daripada orang ramai sepanjang tahun.

Peranan amil di negara ini selama ini alhamdulillah telah banyak membantu Majlis Ugama Islam (MUI) khususnya dalam pengurusan pengutipan zakat fitrah dan zakat harta. Dengan kerjasama yang padu, kesungguhan dan kegigihan para amil di seluruh negara, zakat fitrah khususnya telah dapat dikutip dengan sempurna dan dengan kesedaran yang tinggi di kalangan umat Islam di negara ini, kutipan zakat fitrah adalah meningkat dari setahun ke setahun. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada amil-amil sekalian di atas komitmen ini dan diharap kesungguhan dan komitmen ini akan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Kejayaan dan keberkesanan kutipan zakat ini akan lebih berjaya lagi, terutama sekali jika para amil dapat membantu lagi MUI dalam memberi kefahaman dan kesedaran kewajipan mengeluarkan zakat harta di kalangan orang-orang Islam di kawasan masing-masing terutama orang-orang kaya, ahli-ahli perniagaan, pengusaha-pengusaha pertanian dan ternakan dan lain-lain lagi.

Menyentuh mengenai dengan tugas dan tanggungjawab amil, tugas sebagai amil ini adalah berat dan dilihat dari aspek tugas pengutipan zakat ianya lebih banyak berkaitan dengan urusan-urusan kewangan terutama dari segi pengutipan dan pengumpulan zakat sama ada zakat fitrah ataupun zakat harta. Tugas seperti ini sangat-sangat memerlukan sifat-sifat yang terpuji seperti jujur, amanah, cekap, teliti dan lutan agar ia dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sikap pemeduliaan dan keprihatinan serta dedikasi juga perlu dimiliki dan diamalkan oleh setiap amil dalam memikul amanah yang telah diberikan.

Sebagaimana saya telah difahamkan, bahawa pada tahun ini amil-amil di seluruh negara telah pun diberikan bengkel kefahaman mengenai dengan tugas dan tanggungjawab amil serta tatacara kutipan zakat fitrah dan zakat harta. Di samping itu penerangan-penerangan dan panduan-panduan juga telah diberikan oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat dan juga daripada Jabatan Audit Negara. Kita berharap hasil daripada bengkel tersebut akan dapat menambahkan lagi pengalaman dan pengetahuan para amil terutama amil-amil yang baru pernah dilantik pada tahun ini mengenai dengan bagaimana cara yang terbaik mengurus kewangan zakat yang diterima sama ada zakat fitrah atau zakat harta.

Saya ingin mengingatkan dan menasihatkan para amil supaya berhati-hati dan waspada dalam menerima, mengumpul, menyimpan dan seterusnya menyerahkan wang zakat kepada Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Jabatan MUI. Wang zakat fitrah yang telah diterima dan dikumpul hendaklah disimpan dengan cermat di tempat yang selamat dan diserahkan dengan segera kepada Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat mengikut tarikh-tarikh dan jadual yang ditentukan. Sekiranya wang zakat itu lambat diserahkan adalah dikuatiri berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti kehilangan wang, kehilangan dan kerosakan dokumen-dokumen seperti resit-resit, daftar senarai dan lain-lain lagi. Jika perkara ini berlaku, ia boleh saja menjejaskan syahksiah, kredibiliti dan prestasi amil itu sendiri sehingga menyebabkan kurangnya kepercayaan pihak yang berkuasa untuk meneruskan lantikan amil berkenaan pada masa akan datang.

Perkara yang lebih membimbangkan lagi ialah apabila wang zakat yang diserahkan oleh amil kurang daripada jumlah sebenar kutipan atau wang zakat itu hilang semasa dalam simpanan amil-amil atau pegawai-pegawai dan kakitangan yang mengurus zakat itu. Lebih-lebih lagi jika perkara kehilangan wang zakat itu umpamanya tidak dilaporkan segera dalam tempoh 24 jam kepada pihak polis, tentulah bermacam-macam andaian boleh dibuat mengenai perkara ini. Jika perkara sedemikian berlaku, pihak Jabatan MUI atau Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah tentu tidak akan melepaskan amil-amil yang bertanggungjawab itu, kerana ada prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan yang boleh dijalankan bagi menanganinya iaitu dengan melaporkan kepada pihak-pihak yang berkuasa seperti pihak polis atau pihak Biro Mencegah Rasuah untuk membuat penyiasatan dan tindakan-tindakan yang bersesuaian mengenainya. Tentulah perkara ini akan menyusahkan amil-amil atau pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan yang berkemungkinan besar akan menjejaskan jawatannya, bahkan yang lebih mengaibkan lagi ialah menjejaskan nama baiknya dan kepercayaan orang ramai kepadanya.

Oleh yang demikian sekali lagi saya berseru kepada semua amil, pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan zakat ini supaya sentiasa mengamalkan sifat jujur, amanah, bertanggungjawab dan lain-lain lagi sifat yang terpuji dalam menjalankan kutipan zakat di negara ini. Mudah-mudahan dengan adanya sifat-sifat dan amalan-amalan yang terpuji itu



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Tauliah Amil Seluruh Negara Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi pada hari Rabu, 21 Syaaban 1433 bersamaan 11 Julai 2012 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

para amil dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang terlibat dalam pengurusan zakat ini akan terhindar dan terselamat daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan sebagaimana yang telah nyatakan tadi.

Dalam kesempatan ini, saya juga sukacita menyentuh mengenai dengan pengeluaran zakat sama ada Zakat Fitrah mahupun Zakat Harta. Zakat adalah merupakan salah satu komponen dalam rukun Islam yang lima yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syaratnya. Sebagaimana sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyatakan:

Ertinya : "Islam itu dibina atas lima perkara, iaitu mengucap dua kalimah syahadat bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan."

Sehubungan itu, setiap orang Islam perlulah mengambil perhatian dan muhasabah diri untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh jujur, ikhlas dan amanah. Kewajipan mengeluarkan zakat itu bagi setiap orang Islam adalah kewajipan fardu ain yang mesti ditunaikan dan tidak boleh diringar-ringankan. Kesempurnaan Islam seseorang itu ialah apabila terlaksana semua rukun Islam yang disebutkan di atas.

Dalam hal ini saya percaya pengetahuan agama Islam di negara ini telah semakin meningkat, kesedaran terhadap penghayatan beragama juga telah semakin tinggi. Oleh yang demikian, saya berharap kutipan zakat juga akan meningkat dari semasa ke semasa untuk dapat dimanfaatkan demi kemaslahatan masyarakat Islam yang terdiri dari asnaf-asnaf yang wujud di negara ini.

Saya percaya jika pembayaran zakat oleh umat Islam mencapai tahap yang membanggakan, pengutipan dan pembahagian kepada mereka yang berhak berjalan lancar dan sempurna, insya-Allah kehidupan masyarakat Islam di negara ini akan lebih terjamin dan bahagia yang akan turut memberi impak yang kuat kepada pembangunan dan kesejahteraan negara yang kita cintai ini.

Dari Sidang Pengarang.

6 OGOS 2012 BERSAMAAN 1433 رمضان 17

JADIKAN MEMBACA AL-QUR'AN AMALAN SETIAP MASA

SEMEMANGNYA sudah menjadi tradisi bagi kitani umat Islam menyambut Nuzul Al-Qur'an setiap 17 Ramadan bukan sahaja di negara kitani bahkan juga di seluruh negara-negara Islam seperti dalam Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

"Bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al-Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu serta pembeda (antara yang haq dan yang bathil)." Surah Al Baqarah (2):185.

Peristiwa Nuzul Al-Qur'an berlaku pada malam Jumaat, 17 Ramadan, tahun ke-41 daripada keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam perlu diingati dengan penuh keinsafan oleh umat Islam. Al-Qur'an mengandungi lebih 6,000 ayat adalah himpunan wahyu dan kitab panduan terakhir daripada Allah, diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun kepada Rasul-Nya, Muhammad supaya menjadi petunjuk kepada seluruh umat. Kitani selaku umat Islam seharusnya mempertahankan dan memelihara keaslian Al-Qur'an, sebagai sebuah kitab suci agama Islam.

Sesuai dengan tema sambutan Nuzul Al-Qur'an iaitu 'Al-Qur'an Sumber Inspirasi' adalah bertepatan dengan apa yang kitani hadapi pada era globalisasi ketika ini. Al-Qur'an mengandungi inspirasi tanpa batas dan global. Kerana Al-Qur'an ini sebagai petunjuk maka seharusnya kita menjadikannya sebagai sumber inspirasi dalam segala disiplin ilmu. Melalui pembacaan Al-Qur'an kitani dapat melihat secara umum bagaimana Al-Qur'an ini sebagai inspirasi bagi kitani dan masih banyak lagi ayat-ayat dalam Al-Qur'an yang memerintahkan kitani agar menggunakan akal pemikiran untuk membuat pemantauan dan penelitian dalam rangka memahami ilmu dunia kerana dalam Al-Qur'an banyak sejarah perubatan, pemakanan dan kesihatan yang memberi manfaat kepada seluruh manusia.

Oleh itu, demi untuk benar-benar menghargai nikmat Nuzul Al-Qur'an, beberapa langkah agresif perlu dimainkan oleh semua pihak bermula daripada individu, masyarakat, kerajaan dan media massa untuk menjadikan nikmat Nuzul Al-Qur'an benar-benar disyukuri oleh semua. Antaranya ialah mengadakan kempen fahami satu ayat Al-Qur'an setiap hari. Kempen ini secara perlahan mampu mengubah hati umat Islam moden yang banyak rosak rohaninya kerana racun dunia yang didedahkan kepada mereka setiap hari.

Walau bagaimanapun, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah di negara ini banyak mengeluarkan penghafaz Al-Qur'an yang disegani bahkan juga berjaya menaruk negara kitani di luar negara. Kitani berbangga kerana mempunyai seorang pemimpin yang sentiasa menjaga dan mengutamakan kepentingan agama Islam.

Kitani sangat bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan Skim Penggalak Kecemerlangan Bacaan Al-Qur'an bagi qari dan qariah Negara Brunei Darussalam dalam Tilawah Al-Qur'an di Malaysia. Dengan ganjaran elaun BND2,000 sebulan sepanjang hayat bagi johan dalam tilawah tersebut sebagai penghargaan kerana mengharumkan nama negara seharusnya sebagai penyuntik semangat bagi rakyat dan penduduk negara ini. Walaupun keutamaan sebenar kitani adalah untuk membaca dan menghayati isi kandungan Al-Qur'an dengan sebenar-benarnya dan bukan kerana ganjaran yang diberikan tetapi mengharap ganjaran pahala yang diberi oleh Allah Subhanahu Wata'ala adalah kurnia sebenar yang sangat berharga kepada kitani umat Islam.

Untuk keselamatan dan kebahagiaan umat manusia di dunia dan di Akhirat, Al-Qur'an telah cukup lengkap dan sempurna memberikan panduan. Tetapi apa yang dikesalkan ramai umat Islam hanya menjadikan Al-Qur'an sebagai bacaan tanpa menghayati sepenuhnya apa yang tersirat dalam isi kandungannya. Dengan meningkatkan kesedaran terhadap penghayatan isi kandungan Al-Qur'an, kitani berharap akan sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak terpengaruh dengan anasir-anasir yang boleh menggoyahkan keimanan kitani.

Pembaharuan berfikir secara saintifik dalam membuktikan kebenaran Islam sebenarnya adalah satu trend yang sihat sebagai satu lagi wadah dakwah yang mencerminkan budaya umat Islam berfikir sudah berubah. Dan kerana itu peristiwa Nuzul Al-Qur'an harus dihayati umat Islam kerana ia menjadi asas keimanan terhadap Al-Qur'an sebagai kalam Allah. Sejahter manakah isi kandungan Al-Qur'an sudah awda praktikkan? Mulakanlah sekarang sebelum terlambat kerana hidup kitani di dunia hanyalah semata-mata mengharap keredaan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata. - Pengarang.

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
34°C	26°C	34°C
MUARA		
34°C	26°C	34°C
PEKAN BANGAR		
33°C	25°C	33°C
PEKAN TUTONG		
33°C	25°C	33°C
PEKAN SERIA		
33°C	25°C	33°C
KUALA BELAIT		
33°C	25°C	33°C

Walaupun Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 e-mel: 1988/1951 atau Talian Cuaca : 114

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejar,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Majdiah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan

Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raimi Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Untuk Raja yang dikasihi *Khatam Al-Qur'an* *pesambah rakyat*



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,

Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,

Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum

Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66.

Majlis berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman, di sini.

Keberangkatan baginda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke majlis tersebut dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Maimoonah binti Haji Omar beserta penasihat-penasihat, pengerusi-pengerusi bersama dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi serta isteri-isteri Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam.

Berangkat sama ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Mute-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat-kerabat diraja yang lain.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan khatam Al-Qur'an beramai-ramai oleh para peserta yang berjumlah seramai 1,056 orang terdiri daripada 528 peserta lelaki dewasa dan belia dan 528 peserta wanita dewasa dan belia dengan setiap daerah mewakilkan 66 peserta lelaki dewasa, 66 belia, 66 peserta wanita dewasa dan 66 belia dengan jumlah seramai 264 peserta setiap daerah.

Ke muka 4



BACAAN Khatam Al-Qur'an beramai-ramai oleh para peserta seramai 1,056 orang pada Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam Ahli-Ahli MPMK Seluruh Negara.

Dari muka 3

Majlis Khatam Al-Qur'an diikuti dengan bacaan takhtim dan tahlil oleh 66 peserta lelaki dan 66 peserta perempuan terdiri daripada pegawai dan guru agama Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Manakala bacaan doa khatam dipimpin oleh peserta khatam, Awang Haji Hassan bin Taha peserta Daerah Brunei dan Muara yang juga merupakan penerima Anugerah Imam Cemerlang Sempena Sambutan Israk Mikraj Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh 66 peserta lelaki dewasa terdiri daripada pegawai masjid dan imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid dan 66 pegawai serta guru agama perempuan daripada JPI.

Bagi memohon keberkatan, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada peserta lelaki, manakala Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada peserta wanita.

Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam Ahli-Ahli MPMK Seluruh Negara pada peringkat rakyat jelata merupakan antara acara yang bermaksud kenegaraan dan

keagamaan yang menjadi pesambah istimewa berupa doa tulus rakyat jelata untuk seorang raja dan *walil amri* yang sangat dikasihi dan ditaati.

Rakyat dan penduduk mendoakan semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat, dimurahkan rezeki dan tetap dalam iman serta kekal karar memerintah dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan inayat dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis ini juga mengambil sukut baik daripada keagungan dan keajaiban kitab Al-Qur'an yang mulia serta kesucian bulan Ramadan yang istimewa dan penuh berkat, di samping untuk mendukung wawasan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan rakyatnya cilik Al-Qur'an, di samping dihasratkan untuk menjadikan negara ini sebagai *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur* iaitu negara yang baik dan Allah Subhanahu Wata'ala adalah yang maha pengampun.

Dengan setiap peserta membaca dan mengkhataamkan bacaan Al-Qur'an ini secara langsung telah menjadikan jumlah khatam Al-Qur'an keseluruhannya sebanyak atau lebih 1,056 kali khatam.

Demikianlah keakraban rakyat di negara ini kepada Al-Qur'an Al-Karim dan begitulah juga eratnya serta mesranya hubungan raja dengan rakyat di negara ini.

Murni dan luhurnya hubungan tersebut menjadikan membaca Al-Qur'an bukan saja pada peringkat individu tetapi juga pada peringkat

masyarakat dan negara sebagai tradisi baik yang harus diteruskan sematamata untuk memohon keredaan, keampunan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi bangsa, negara dan raja.

Justeru hubungan keramat antara rakyat dan raja inilah yang menjadi pengikat dan pengukuh daya wujud negara yang berpaksikan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dan bermotokan tekad untuk 'Sentiasa Berbuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala'.

Pada masa yang sama majlis ini juga adalah untuk menyemai dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Qur'an serta mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian untuk memohon keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping untuk dijadikan utap dan bekalan di Akhirat kelak.

Selain pahala dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang diperolehi daripada amalan membaca kitab suci Al-Qur'an, penyertaan pada peringkat orang ramai ini adalah manifestasi ketaatan dan kesetiaan rakyat kepada raja, agama dan negara yang menandakan kesyukuran atas rahmat dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala selama menjadi rakyat dan penduduk di negara ini di bawah payung pemerintahan dan kepimpinan baginda.

Majlis Pelancaran Bagi Memulakan Bacaan Al-Qur'an bagi peserta-peserta berkenaan bagi setiap daerah bermula serentak pada 29 Februari 2012 selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di masjid-masjid terpilih dan masing-masing telah menyelesaikan pembacaan sebanyak 30 juzuk Al-Qur'an setiap seorang peserta pada 14 Julai 2012.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66.



GAMBAR-GAMBAR merakamkan suasana dalam Majlis Khatam Al-Qur'an 66 Kali Khatam Ahli-ahli MPMK Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman.



Majlis Khatam Al-Qur'an di Istana Nurul Iman



MAJLIS Khatam Al-Qur'an dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Oleh :
Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto :
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 3 Ogos. - Majlis Bertadarus yang diadakan setiap malam di Istana Nurul Iman sejak bermulanya bulan Ramadan tahun ini berakhir dengan Majlis Khatam Al-Qur'an.

Majlis berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj dan dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an didahului oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji

Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang kemudiannya diikuti dengan bacaan takhtim dan tahlil secara beramai-ramai.

Sementara bacaan doa tahlil dipimpin oleh Ketua Hakim Syari'e, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam dan Marhaban yang dibawakan oleh pegawai-pegawai masjid yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad yang juga membacakan doa dikir.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga berangkat dan hadir pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Chetera, Pengiran-Pengiran Peranakan, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Pendalaman, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap.

BACAAN ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet (kiri), sementara kiri sekali dan bawah, gambar-gambar merakamkan suasana Majlis Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



Majlis Bertadarus terus bersemarak

Ceramah Tafsir Tadarus Al-Qur'an

Berita dan Foto :
Hezlinawati
Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menyampaikan Ceramah Tafsir Tadarus Al-Qur'an Siri Ketiga.

TEMBURONG, Khamis, 2 Ogos. - Kepentingan Al-Qur'an itu wajib diutamakan dan kesuciannya dipelihara iaitu dengan sentiasa membacanya, berusaha memahami dan *mentadabbur* ayat-ayatnya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan perkara itu ketika menyampaikan Ceramah Tafsir Tadarus Al-Qur'an Siri Ketiga iaitu Surah Al A'raaf dari ayat 203 hingga 204 juz ke-7.

Ceramah bertajuk 'Tadarus Al-Qur'an : Lebih Dari Setakat Membacanya' itu disampaikan semasa Majlis Bertadarus Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berlangsung di Masjid Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa ayat 204 dari Surah Al A'raaf itu menyusuli penjelasan dalam bahagian akhir ayat sebelumnya yang menyatakan bahawa Al-Qur'an adalah bukti-bukti yang jelas nyata datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan ia menjadi hidayat serta rahmat bagi kaum yang beriman.

Al-Qur'an, jelas Yang Berhormat adalah mulia serta berkelebihan (mempunyai fadilat), oleh itu kemuliaannya hendaklah dipelihara dan kelebihannya pula dimanfaatkan antaranya dengan membacanya.

"Dan apabila ayat-ayatnya dibacakan, hendaklah dengar dengan memberi perhatian dan diam, tidak riuh rendah dengan percakapan lain," ujar Yang Berhormat.

Dengan demikian, akan jelas dan teranglah kedengaran sebutan ayat-ayatnya yang membolehkan orang yang faham akan dapat *mentadabbur* kandungan maksudnya yakni mengambil pengajaran daripadanya.

Jelas Yang Berhormat lagi, perintah supaya mendengar

dengan tekun ketika ayat-ayat Al-Qur'an dibacakan adalah juga menjadi sandaran aturan dalam sembahyang fardu ketika imam membaca secara *jahran* dengan makmum diam dan mendengarnya sehingga selesai barulah dia membaca Al Faatihah secara *sirran*, perlahan yang hanya didengar olehnya sendiri.

Terdahulu ketika menghuraikan ayat 203 dari Surah Al A'raaf, Yang Berhormat menjelaskan bahawa ayat tersebut menyebutkan kemahuan orang-orang yang menentang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya Baginda membuat sendiri ayat Al-Qur'an jika tiada wahyu turun untuk disampaikan kepada mereka.

Menurut mereka, Baginda sepatutnya meminta ayat-ayat itu diturunkan dan jika tiada diturunkan maka bolehlah Baginda membuatnya sendiri.

Jelas Yang Berhormat lagi, cabaran secara memerli sedemikian menampakkan ketidaksungguhan mereka untuk menerima ajaran-ajaran Allah Subhanahu Wata'ala yang dibawakan oleh Nabi dan Rasul-Nya.

Yang Berhormat menambah Allah Subhanahu Wata'ala menyuruh Rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu mereka bahawa wahyu (ayat-ayat Al-Qur'an) diturunkan bukanlah dengan kehendak Baginda tetapi semata-mata menurut kehendak Allah Subhanahu Wata'ala.

Tadarus rombongan KHEDN



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa hadir dalam Majlis Tadarus dan Ceramah Tafsir Tadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan. - Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 2 Ogos. - Bulan Ramadan selalunya diisi dengan aktiviti-aktiviti membaca Al-Qur'an beramai-ramai yang juga sering disebut sebagai bertadarus, sama ada dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan mahupun persendirian.

Tidak ketinggalan mengadakan aktiviti keagamaan seumpamanya ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berlangsung di Masjid Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi, di sini.

Majlis disertai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga menyertai ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung di Daerah Temburong dan jemaah masjid serta masyarakat kampung berdekatan.

Dalam majlis itu, Yang Berhormat juga menyampaikan Ceramah Tafsir Tadarus Al-Qur'an Siri Ketiga iaitu Surah

Al A'raaf dari ayat 203 hingga 204 juz ke-7 dengan tajuk 'Tadarus Al-Qur'an : Lebih Dari Setakat Membacanya'.

Ceramah merupakan sebahagian program sempena bulan Ramadan 1433 Hijriah / 2012 Masihi yang mana Yang Berhormat antara lain membuat kesimpulan daripada ayat-ayat yang ditafsirkan bahawa kepentingan Al-Qur'an itu wajib diutamakan dan kesuciannya dipelihara.

Mengutamakan dan memeliharanya itu, jelas Yang Berhormat ialah dengan sentiasa membacanya, berusaha memahami dan *mentadabbur* ayat-ayatnya.

Terdahulu daripada itu, Surah Al-A'raaf ayat 203 hingga 204 dibacakan oleh Awang Haji Mohd. Juanda bin Awang Haji Damit dari KHEDN.

Majlis juga diselenggarakan dengan bacaan tahlil dan doa selamat dipimpin oleh Imam Majid Kampung Batu Apoi, Awang Norezam bin Zaini.

Seramai sebelas orang anak-anak yatim di sekitar Kampung Batu Apoi juga menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh Yang Berhormat.

Majlis Tadarus dan Ceramah Tafsir Tadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) berserta rombongan KHEDN dan jabatan-jabatannya ini dianjurkan oleh MPMK Batu Apoi serta Jawatankuasa Takmir Masjid dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

JPM teruskan tadarus di Masjid Kampung Lumapas

Oleh :
Nooratin Haji Abas

KAMPUNG LUMAPAS, Khamis, 2 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan Majlis Bertadarus bagi menyemarakkan bulan Ramadan 1433 Hijriah berlangsung di Masjid Kampung Lumapas, di sini.

Hadir dalam majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Majlis dimulakan dengan penyampaian wakaf berupa sebuah mesin fotokopi Gestener, sebuah *maruyama blower* dan *jerry can*, sebuah vakum pembersih dan sepuluh buah meja *banquet* disampaikan oleh Yang Mulia Dato Paduka kepada Imam Masjid Kampung Lumapas, Awang Rozaimi bin Haji Bunal.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al Faatihah



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned mendahului bacaan dalam Majlis Bertadarus JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Masjid Kampung Lumapas. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Rozaimi bagi memulakan acara Tadarus Al-Qur'an dan seterusnya bacaan Al-Qur'an daripada juz 16 hingga 30 yang dikepalai oleh Yang Mulia.

Dengan adanya Majlis Tadarus yang dipengerusikan oleh JPM, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

itu ianya diharap mampu meningkatkan lagi mutu pembacaan Al-Qur'an, di samping mendapatkan ganjaran pahala dalam bulan Ramadan Al-Mubarak dan penuh suci ini.

Turut hadir ialah Setiausaha Setiausaha Tetap di JPM, Pengiran Haji Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin, Awang Haji

Mohd. 'Abdu bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam dan Awang Haji Yahya bin Haji Idris, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Penerangan, RTB dan JPA, Penghulu Mukim, Ketua Kampung Lumapas 'A' dan 'B' dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta jemaah masjid yang berdekatan.

Ramadan amat signifikan bentuk insan *muttaqin*

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Berpuasa pada bulan Ramadan menjadi wasilah dan jambatan yang kukuh bagi seseorang menghubungkan dirinya dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian antara yang terkandung di dalam Ceramah Agama bertajuk 'Iman dan Taqwa Asas Kecemerlangan Umat' disampaikan oleh Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Zulkifli bin Haji Zakaria semasa Ceramah Keagamaan di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan pada 26 Julai 2012.

Dengan berpuasa juga, katanya, akan dapat mengendalikan hawa nafsu seseorang dari segala keinginan yang tidak terbatas, di samping membuka hati dan jiwa untuk beribadat dengan ikhlas kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Awang Zulkifli seterusnya berkata Allah Subhanahu Wata'ala memberi keampunan dan ganjaran syurga dan pahala yang berlipat ganda pada bulan yang penuh kerahmatan ini.

Selain itu, katanya lagi puasa juga mempunyai kesan dan pengaruhnya kepada manusia yang mana dengan

berpuasa akan dapat melatih diri seseorang untuk melakukan amal kebajikan dengan ikhlas, di samping melatih seseorang bersifat sabar dan menjunjung perintah Allah.

Dengan berpuasa juga katanya lagi, doa seseorang itu adalah mustajab serta berpuasa dapat mendorong seseorang untuk berbuat ibadat dan menutup pintu maksiat zahir dan batin.

Ceramah beliau juga antara lain menyentuh bahawa bulan Ramadan mempunyai banyak kepentingan yang amat signifikan dalam membentuk insan *muttaqin* yang mana bulan ini adalah bulan yang penuh keinsafan yang mampu melahirkan manusia terbaik, manusia unggul dan berkualiti dalam masyarakat.

Hadir dalam majlis yang diadakan bersempena bulan Ramadan itu ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Awang Marzuke bin Haji Mohsin Gafar; para pegawai dan kakitangan di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir dalam Ceramah Keagamaan bersempena sambutan bulan Ramadan.

Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi gariskan 13 resolusi



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menerima resolusi daripada Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

JERUDONG. - Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi: Kaedah dan Penyelaras berakhir dengan Majlis Penutupan Rasmi di Indera Samudera The Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club pada 5 Julai 2012.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Penutup Persidangan yang dihadiri oleh 300 orang peserta ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi dalam ucapan

Oleh :
Khartini Hamir

alu-aluannya berkata sebanyak empat kertas kerja termasuk satu kertas kerja perdana telah dibentangkan di dalam persidangan yang memfokuskan kepada pemakaian dan penggunaan ejaan Jawi di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, persidangan juga katanya diselitkan dengan forum yang membincangkan mengenai tajuk yang ditetapkan iaitu 'Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bangsa' di samping perbincangan para peserta melalui bengkel kertas kerja yang dibentangkan bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan serta cadangan ke atas persidangan ini.

"Diharap persidangan ini akan dapat mencetuskan suatu paradigma ke arah penyelaras kepada satu kaedah yang dapat diguna pakai secara sistematik oleh semua agensi sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan yang berkaitan di Negara Brunei Darussalam," jelasnya.

Beliau juga berharap agar persidangan ini akan dapat meleraikan ketidakselarasan penggunaan Jawi sekali gus dapat menghasilkan suatu resolusi yang dapat dimanfaatkan oleh semua demi kepentingan agama,

bangsa dan negara.

Sebanyak 13 resolusi telah dirumuskan dalam persidangan iaitu mencadangkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Ejaan Jawi bagi menindaklanjuti, menyelaras dan menyeragamkan ejaan jawi; Menyempurnakan Kaedah Za'ba dan jawi sebagai asas penyelaras ejaan Jawi; Mengadakan Perisian (*software*) Jawi yang berorientasikan calak Brunei yang dikenali sebagai Jawi Brunei Darussalam; Memperbanyakkan penerbitan buku dalam tulisan Jawi oleh jabatan dan institusi tertentu; Menyarankan Kementerian dan jabatan yang berkenaan supaya mempunyai pakar tulisan dan ejaan Jawi yang betul dan murni bagi melahirkan lebih ramai celik, pandai dan mahir Jawi; mengadakan bengkel, kursus dan jerayawara mengenai kaedah ejaan Jawi yang disepakati untuk memberi kefahaman kepada para tenaga pengajar dan pengguna; menggerakkan pemerksaan dan penyuburan tulisan dan ejaan Jawi melalui media massa dan media tertentu seperti papan kenyataan sekolah, penulisan karangan, buku cerita dan media lain yang signifikan; mencadangkan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam di sekolah menengah dilaksanakan dalam tulisan Jawi; memperkasa pemupukan

penggunaan tulisan dan ejaan Jawi dari peringkat pendidikan rendah; menjaga keaslian ejaan, makna dan sebutan perkataan yang diambil dari bahasa Arab yang berkaitan dengan agama Islam; mengasingkan Kurikulum penggunaan tulisan Jawi dan ejaannya sebagai satu mata pelajaran tersendiri; Memperbanyakkan Guru Khas mengajar mata pelajaran Jawi yang mempunyai kemampuan dan kemahiran tulisan dan ejaan Jawi perlu dan menyarankan institusi pengajian tinggi supaya menawarkan kursus yang berkaitan dengan Jawi.

Persidangan pada kali itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dikendalikan bersama oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam KHEU.

Antara objektif persidangan itu ialah untuk mencapai hasil penyelaras yang dapat diguna pakai secara menyeluruh di Negara Brunei Darussalam dan memperolehi kesinambungan kepada bengkel yang dikendalikan bagi menggariskan satu kaedah ejaan Jawi standard bagi penggunaannya di negara ini.

Bangunan tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan siap Jun 2013

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan mempunyai Bangunan Tambahan Ibu Pejabatnya yang dijangka siap pada bulan Jun 2013.

Sehubungan dengan itu, Majlis Peletakan Batu Asas disempurnakan oleh Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned selaku tetamu kehormat berlangsung di bahagian belakang ibu pejabat jabatan berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mat Yassin diikuti dengan bacaan doa selamat dan seterusnya penerangan taklimat mengenai bangunan tambahan reka bentuk bangunan tersebut oleh Arkitek Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Teknikal Jabatan Kerja Raya, Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Apong.

Projek tersebut adalah di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan peruntukan sebanyak BND6 juta bagi pembinaan sebuah bangunan tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Bangunan tambahan itu mengandungi lima tingkat yang akan memuatkan antaranya Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Berita Inggeris, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Latihan dan Auditorium yang dapat memuatkan lebih kurang 200 tempat duduk dan lain-lain.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap JPM, Pengiran Haji Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin, Awang Haji Mohd. 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam, Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap JPM; Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan serta wakil-wakil dari Unicorp Sendirian Berhad.

TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned, selaku tetamu kehormat meletakkan batu asas bagi bangunan baru Ibu Pejabat Jabatan Penerangan. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



10 anggota ABDB sertai misi ke-8 UNIFIL



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa bergambar ramai. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Oleh : Aimi Sani

RIMBA, Rabu, 4 Julai. - Seramai sepuluh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berlepas meninggalkan negara bagi menyertai Malaysian Kompeni 8 (MALCOY 8) di bawah misi United Nation Interim Force in Lubnan (UNIFIL).

Kumpulan kelapan UNIFIL diketuai oleh Mejar Mohd. Roasri Irwan bin Haji Tasrif.

Sebelum berlepas satu Upacara Perbarisan Pemergian Kumpulan Ke-8 Anggota-Anggota ABDB Bagi Misi UNIFIL, berlangsung di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di sini.

Hadir pada upacara tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan menyempurnakan penyerahan bendera negara kepada Ketua Kontinjen.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato

Seri Paduka Haji Abidin.

Penyertaan ABDB memperlihatkan komitmen negara ini dengan misi pengamanannya bersama UNIFIL yang mana sebelum ini beberapa anggota ABDB turut dihantar bagi misi yang sama.

Penghantaran kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Lubnan ini sejajar dengan mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) selain merupakan peluang untuk ABDB menyerlahkan kewujudan negara ini di dalam pasukan pengaman UN.

Ia juga merupakan sebagai penghargaan kepada ABDB untuk menyertai misi seumpamanya.

Kumpulan ke-8 ABDB yang akan memulakan tugas pengaman turut disertai oleh Kapten Haji Mohd. Aishamudin bin Haji Ali, PW2 Mohd. Yusree bin Tamin, Sarjan Mohd. Doon bin Mohd. Yusof, Sarjan Mohd. Helmy bin Mohd. Salleh, Sarjan Mohd. Jalani bin Mohd. Zainal Abidin, Sarjan Mardini bin Haji Kassim, Koperal Sukarizal bin Janang, Lans Koperal Roslan bin Umar dan Lans Koperal Kamarul Kifli bin Mohammad.

Kepulangan sepuluh anggota ABDB dari misi UNIFIL



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa mengalu-alukan ketibaan sepuluh anggota ABDB yang mengikuti Malaysian Kompeni (MALCOY 7). - Foto : Azmah Haji Ahad.

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai sepuluh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mengikuti Malaysian Kompeni (MALCOY 7) di bawah misi United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFIL) telah selamat kembali ke tanah air.

Mengalu-alukan kepulangan mereka di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di

sini ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku tetamu kehormat majlis pada 30 Julai 2012.

Kumpulan ketujuh UNIFIL ini telah berlepas ke Lubnan pada 12 Julai 2011 tahun lalu bagi menjalankan misi pengaman di sana, dan kontinjen tersebut telah diketuai oleh Mejar Muhd. Suwardi Ariffin bin Pehin Datu Laksamana Dato Paduka Haji

Abd. Latif.

Antara anggota lain yang terlibat sama ialah Kapten Pengiran Hamzah bin Pengiran Ahmad Damit; PW1 Awang Razali bin Haji Matusin; Sarjan Pengiran Selamat bin Pengiran Zulkiflee; Sarjan Awang Hamdani bin Mohd. Ali; Sarjan Awang Haji Sharani bin Haji Shandan; Koperal Awang Eirwan bin Lasim; Koperal Awang Haji Zul Amin bin Awang Basar@Basar; Koperal Awang Daniel bin Kuchil dan Lans Koperal Hapolowadi bin Bidin.

Acara terdahulu dimulakan dengan perbarisan masuk kontinjen ABDB dan seterusnya penyampaian baret ABDB kepada anggota-anggota kontinjen yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Negara Brunei Darussalam telah menyertai misi pengaman di bawah UNIFIL sejak tahun 2008.

Hadir sama pada upacara tersebut ialah Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan; Pemerintah-Angkatan Angkatan Tentera; Pemangku Komandan Institut Latihan ABDB (IL ABDB); pengarah-pengarah Tentera dan Awam; pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan anggota ABDB serta ahli-ahli keluarga anggota ABDB.

Inisiatif 'Indahnya Ramadan' dapat sambutan menggalakkan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sempena bulan suci Ramadan Al-Mubarak ini, Badan Kebajikan Islam (BKI) Hongkong and Shanghai Bank Corporation (HSBC) Brunei sekali lagi mengukayhkan inisiatif 'Indahnya Ramadan' 2012 dalam memberikan peluang kepada para pelanggannya mahupun orang perseorangan untuk berbuat kebajikan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan dengan memberikan sumbangan kepada mereka.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Inisiatif tersebut yang berlangsung di Ruang Legar, HSBC di ibu negara pada 27 Julai 2012.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Brunei, Awang Haji Rosdi Amin bin Dato Paduka Haji Yaakub, selaku Pengerusi BKI HSBC menyempurnakan pelancaran inisiatif 'Indahnya Ramadan' yang bermula pada hari ini dan akan berakhir pada 18 Ogos 2012.

Pada majlis itu Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku wakil Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) juga menerima sumbangan daripada para penaja dan pelanggan HSBC yang dermawan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Brunei dalam kata alu-aluannya antara lain menjelaskan, inisiatif yang berkebaikan itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai mahupun kakitangan HSBC setelah ia diukayhkan pada tahun lalu oleh Bahagian Corporate Sustainability HSBC.

Beliau menambah, inisiatif kali kedua diadakan pada tahun ini diukayhkan oleh BKI HSBC dengan kerjasama dari pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Melalui inisiatif berkenaan, katanya, orang ramai mahupun para pelanggan HSBC bolehlah menyalurkan sumbangan kepada mana-mana cawangan HSBC termasuk HSBC Finance Beribi.

Menurutnya, para pelanggan boleh memberikan sumbangan berupa barangan makanan atau minuman yang tahan lama dan sekiranya mereka ingin memberikan sumbangan berbentuk wang tunai, ia akan digunakan bagi membeli makanan dan minuman seperti yang dipamerkan di semua cawangan HSBC dan HSBC Finance Beribi.

Beliau menjelaskan, kakitangan HSBC bertekad untuk menderma lebih 65 beg beras, yang mana barang-barang berkenaan akan dihulurkan kepada masyarakat yang memerlukan dan kurang berkemampuan seperti yang disenaraikan oleh JAPEM.

Selain itu, katanya, penghantaran sumbangan berkenaan akan dihantar sendiri oleh ahli-ahli BKI HSBC pada setiap minggu dan insya-Allah bermula pada 4 Ogos 2012.

"Diharapkan sumbangan-sumbangan yang akan diterima itu akan dapat mengurangkan beban kepada mereka yang memerlukan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya serta akan mengukir cahaya kegembiraan dan keceriaan kepada mereka semua dalam membuat persiapan menjelang Hari Raya nanti," ujarnya.

Sebagai salah satu institusi kewangan di negara ini, HSBC memainkan peranannya yang signifikan dalam memberikan sumbangan berkebaikan untuk masyarakat yang kurang berkemampuan.



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman melancarkan 'Indahnya Ramadan' Hongkong and Shanghai Bank Corporation. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Berlepas ke Jepun hadiri Kongres Belia Asian Ke-9

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN. - Persiapan lebih tiga minggu mengumpul dan menyelidik pelbagai maklumat dan bahan bagi mengikuti Kongres Belia Asian Kali Ke-9 merupakan peranan belia yang sangat penting bagi kempen menentang penyalahgunaan dadah.

Kerajaan Negara Brunei Darussalam percaya bahawa peranan belia harus diberi lebih perhatian dalam masyarakat kerana belia adalah denyutan nadi negara.

Penolong Pegawai Narkotik II, Dayang Noorul Hasyimah Bazillah binti Haji Md. Irwan menjelaskan demikian semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI sebelum berlepas ke Osaka, Jepun di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 7 Julai 2012.

Beliau berharap agar penglibatan para belia akan dapat menjadikan mereka sebagai penyumbang pekerjaan dan *role model* bagi masyarakat negara ini.

Dayang Noorul Hasyimah Bazillah bersama dua pelajar dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal mengikuti kongres tersebut selama empat hari bermula 10 hingga 13 Julai di Osaka, Jepun.

Tajuk 'Youth Race Against Drugs' merupakan projek kerjasama antara 'Girls Like Us Everywhere' (GLUE) Negara Brunei Darussalam dengan Biro Kawalan Narkotik diharap akan menjadi batu loncatan bagi negara ini untuk mencapai bukan sahaja di peringkat serantau, tetapi juga wawasan komuniti global bebas daripada dadah dan keupayaan belia untuk masa depan negara yang lebih baik.

Projek tersebut juga dicadangkan untuk dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam kerana ia serupa dengan 'Anti Drugs Race', tetapi projek khusus disesuaikan mengikut kepentingan belia dan dianjurkan oleh para belia sendiri.

Kongres anjuran Colombo Plan Drug Advisory Programme (CPDAP) itu juga akan menganugerahkan Pencadang Cemerlang Belia Asia Dalam Pencegahan dan Pengurangan Permintaan Dadah.

Tujuan utama kongres berkenaan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai dadah dan kesan-kesan buruk dalam kalangan belia dan memperkasa mereka dengan kemahiran hidup, membina dan mengekalkan rangkaian belia Asia melalui yang dipelajari selain mengenal pasti pemimpin belia cemerlang yang memberi perkhidmatan yang bermerit dalam bidang pencegahan dadah.



DUTA Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Noriki Hirose semasa merasmikan Program Musim Panas Sekolah Perubatan Antarabangsa Kali Ke-6 Tahun 2012. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Julai 2012 - Program Musim Panas Sekolah Perubatan Antarabangsa Kali Ke-6 Tahun 2012 bukan saja dapat mendalami

pemahaman para peserta tetapi ianya adalah peluang untuk mereka bagi mendapatkan kemahiran dan pengetahuan klinikal.

Duta Besar Jepun ke Negara

UBD, Universiti Kagawa tingkat kerjasama pendidikan perubatan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Noriki Hirose menekankan perkara tersebut semasa merasmikan Program Musim Panas Sekolah Perubatan Antarabangsa Kali Ke-6 Tahun 2012, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Dalam ucapamannya, Tuan Yang Terutama seterusnya menambah di bawah kepimpinan yang kukuh oleh Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mampu untuk melaksanakan Program GenNext yang bertujuan untuk memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar-pelajar Brunei dan meluaskan pengetahuan mereka dengan memberi mereka pengalaman hidup sebenar yang tidak ternilai.

Terdahulu TYT berkata penandatanganan persefahaman (MoU) antara UBD dan Universiti Kagawa, Jepun merupakan salah satu daripada kerjasama yang berjaya meningkatkan persahabatan bukan sahaja di antara dua universiti tetapi juga kedua-dua negara.

TYT berharap para peserta juga akan dapat memperkayakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan melalui program ini dan yang paling penting agar mereka menikmati dan mengambil kesempatan sepenuhnya daripada peluang yang tersedia kerana ianya dapat dijadikan sebagai salah satu kenangan yang terbaik dalam hidup mereka.

Program Musim Panas Sekolah Perubatan Antara-

bangsa telah bermula pada tahun 2006 dan pertukaran tahunan dan program kerjasama antara Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD dan Fakulti Perubatan, Universiti Kagawa telah menubuhkan persahabatan yang istimewa dan kerjasama terutamanya dalam bidang pendidikan perubatan.

Ianya diharap akan dapat mengukuhkan hubungan dan bekerjasama dengan Fakulti Perubatan, Universiti Kagawa di kawasan lain yang berkepentingan bersama khususnya pendidikan kesihatan profesional dan latihan, kesihatan global dan penyelidikan.

Seramai enam orang peserta dari negara Jepun termasuk seorang dari Jerman akan menjalankan program yang diadakan selama sebulan bermula 29 Julai ke 29 Ogos 2012.

Program tersebut menawarkan pelajar kehidupan yang unik dan pengalaman pembelajaran yang menarik sepanjang penginapan mereka sebagai pelajar perubatan di UBD.

Mereka akan terdedah kepada pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam bidang perubatan dan dapat mempelajari kemahiran yang berkaitan seperti pertanyaan sistematis, kerja kumpulan dan pembelajaran sendiri diarahkan, dalam meneroka dan menyelesaikan masalah dan keadaan kesihatan yang dipilih.

Penempatan klinikal dan sesi klinikal kemahiran menyediakan peluang kepada para peserta untuk memperoleh kemahiran klinikal dalam persekitaran makmal dan pengalaman *hands-on* dalam pelbagai masyarakat dan tetapan klinikal di Negara Brunei Darussalam.

Mempertingkatkan identiti ASEAN kalangan generasi muda

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN. - Tiga peserta terpilih bagi mewakili Negara Brunei Darussalam ke Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-5 yang diadakan di Kemboja pada 1 hingga 5 Ogos 2012.

Mereka terdiri daripada Awang Muhammad 'Azim bin Haji Zailani, Dayang Najeehah binti Haji Abdul Hamid dan Dayang Masdianawati binti Suhili akan berlepas meninggalkan negara pada 31 Julai 2012.

Sehubungan itu, Majlis Doa Selamat diselenggarakan dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam bagi rombongan yang akan mengikuti ke Pertandingan Kuiz ASEAN itu berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas pada 30 Julai 2012.

Hadir dalam majlis tersebut ialah

Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan penyerahan bendera negara kepada Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Rombongan.

Pemangku Pengarah Penerangan dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa Pertandingan Kuiz ASEAN merupakan salah satu Projek Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN, ASEAN COCI yang mana dianjurkan sekali dalam masa dua tahun oleh setiap negara-negara ahli.


Kuiz tersebut, jelasnya, diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman generasi-generasi muda khususnya penuntut-penuntut sekolah menengah mengenai fungsi dan peranan ASEAN dalam mencapai dan

mempertahankan keamanan, kemakmuran dan perpaduan serantau.

Ia bertujuan untuk memperkukuhkan dan meningkatkan lagi hubungan silaturahim pada kalangan generasi muda negara-negara anggota ASEAN serta untuk mengorak langkah bagi mengintegrasikan kalangan generasi-generasi muda ASEAN dengan harapan untuk memupuk semangat bersatu dan mempertingkatkan identiti ASEAN.

"Saya ingin menasihatkan kepada penuntut-penuntut untuk sentiasa waspada serta menjaga kesihatan di sepanjang berada di sana agar prestasi semasa pertandingan tidak terjejas, di samping imej negara kita hendaklah sentiasa dijaga dan dipelihara dari semasa ke semasa," tegasnya.

Turut menyertai rombongan itu ialah Pegawai Pelajaran, Awang Irwan bin Haji Abu Bakar, selaku Jurulatih.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam bergambar bersama peserta negara ke Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-5 di Kemboja. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



KEDUA-DUA pelajar yang memenangi pertandingan tersebut. - Foto : Ihsan Media Permata.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Julai. - Tiga pelajar Tahun 6 daripada Sekolah Yayasan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) berjaya mengharumkan nama sekolah berkenaan dengan memenangi Pertandingan Sains dan Matematik Olimpiad Peringkat Kebangsaan 2012.

Seorang daripada pelajar

tersebut ialah Dayang Nurul Najihah binti Haji Mohd. Marasharin berjaya meraih pingat emas semasa Pertandingan Matematik Olimpiad Peringkat Kebangsaan 2012 yang diadakan pada 17 April 2012 setelah bertanding bersama 55 pelajar sekolah rendah dari seluruh negara.

Dalam sesi temu bual bersama wakil-wakil media,

Tiga pelajar Tahun 6 harumkan nama Sekolah YSHHB

Oleh : Haniza Abdul Latif

guru matematik pelajar berkenaan, Wong Pak Set menjelaskan, Dayang Najihah merupakan seorang pelajar yang berdedikasi, komited, bertanggungjawab, taat, pelajar yang rajin dan layak menerima kejayaan itu dan patut dijadikan sebagai contoh bukan sahaja kepada rakan-rakan di sekolah, malah kepada rakan-rakan senegara.

Sementara itu, ayahnya, Awang Haji Mohd. Marasharin ketika ditemu bual mengatakan beliau mendidik Najihah bersama-sama dengan abangnya yang juga turut mendapat tempat ketiga pada tahun sebelumnya di Republik Indonesia dengan cara pembelajaran interaktif menggunakan komputer.

Menurutnya, beliau memberikan kebebasan untuk belajar dan masa lapang kepada kedua-dua anaknya asalkan mereka sudah membuat ulang kaji mereka.

Matematik dan Sains, tambahnya, merupakan dua daripada pelajaran yang diminati oleh Dayang Najihah dan berharap kejayaan mereka akan dapat memberikan faedah kepada negara, sekolah dan keluarga.

Manakala Pegawai Pendidikan Pusat Perkongsian Sains, Teknologi dan Persekitaran (STEP), Kementerian Pendidikan, Dayang Normimah binti Haji Abu Bakar berkata, hasil daripada kejayaan itu Dayang Najihah telah terpilih untuk mewakili seko-

lah rendah bagi mengikuti Perkhemahan Matematik Musim Panas Antarabangsa (ISMC) bersama Awangku Ahmad Zawawi bin Pengiran Haji Asmali dari Sekolah Menengah Sayyidina Hassan yang mewakili sekolah menengah berlangsung di Universiti Polytechnic Hong Kong baru-baru ini.

Program selama lima hari bermula 9 hingga 13 Julai 2012, bertujuan untuk melatih pelajar dalam persediaan mengikuti pertandingan matematik pada masa hadapan, di samping untuk meningkatkan nilai matematik sepanjang hayat, minat, bakat, sikap, dan motivasi di antara para belia.

Semasa program tersebut, Dayang Najihah telah menghadiri beberapa kuliah seperti Brain Teasers, Mathematics Without Numbers, Tesselations,

Mathematics Challenge, Polyhedra, dan 'Path and Cycle' Network Flow Analysis.

Kedua-dua lagi pelajar yang juga telah mengharumkan nama Sekolah YSHHB ialah Pengiran Nur 'Azeezah binti Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Mokhtar yang telah memenangi pingat emas dan Awang Muhammad Afiq Hafizin bin Haji Abu Ubaidah yang mendapat tempat kelapan dalam sepuluh teratas terbaik di seluruh negara dalam Pertandingan Sains Olimpiad 2012 yang diadakan pada 18 April 2012.

Orang ramai khususnya sekolah-sekolah rendah dan menengah yang ingin menyertai pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan ini boleh melayari laman sesawangnya di www.stepcentrebrunei.blogspot.com.

سروا سوجي

نزول القرآن

كران دعاء سماس ختم القرآن اداله مستحب. اداله ساعة دأنجوركن انتوق بردهاء سجوروس سهاج سلسي معتمكن بجان ٣٠ جزء دري آية ٢ القرآن. سبايك ٢ دعاء إياله یغ مغندوغي فرکارا ٢١ فتتبع دغن معكوناكن كلمه ٢ یغ لواس معنان، مغندوغي حال ٢ یغ برکایتن دغن أخره دان کفتنیغن أومة إسلام.

سلاين ایت، جک ختم القرآن بوکن دالم بولن رمضان، اداله دأنجورکن برفواس فد هاري ختم القرآن ترسوت کجوالي جک برتقتن دغن هاري یغ دتکه برفواس سفرت هاري ٢ تشریح، هاري يراي، هاري شک دان سبايکن.

سسغکوهن فهلا دان رحمة بوکن هان اکن دفراوليهي اوله مريک یغ مباح القرآن، تنافي جوك اکن دفراوليهي اوله اورغیغ مندغر بجان القرآن. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأعراف آية ٢٠٤:

تفسیر:

دان اقبيل القرآن ایت دباچکن مک دغرله اکن دي سرت ديم له سفای کامو برأوله رحمة.

أوله یغ دمکین، اقبيل القرآن دباچکن ترأوتامن دمجلس ٢ تداروس القرآن، فرادوان مباح القرآن دان سبايکن اداله له بايک کيت ديم دان مندغر بجان القرآن أکر کيت دافة معحياتي بجان یغ دفردغرکن ایت. فربواتن سدمنکین اداله دکيرا عبادة اکن مندافة فهلا دري الله سبحانه وتعالى.

مندغکن بتاف بايقن کنجارن فهلا دان فضيلة باکي مريک یغ مباح القرآن، مک کيت جادیکنله مباح القرآن ایت سباکي عمالن هارين سفنچغ تاهون، بوکنن بر موسيم سکالي ستاهون. جاغن هان دبولن رمضان ساج راجين مباح القرآن تنافي دبولن ٢ یغ لاین کيت لالي دغن کسيبوقن هارين.

سام ٢ له کيت بردهاء مدهمدهان کيت منجادي أومة إسلام یغ سنتياس منجيتاي القرآن، سلالو مباح دان معحياتي سرت معملکنن دالم کهيدوفن هارين. سموک کيت ترکولوغ دکالغن اورغ ٢ یغ برجاي ددنیا دان اکن مندافة شفاة أخره نتي. أمين يا رب العالمين.

تفسیر:

المر . ایتله کتاب القرآن یغ دباچکن اوله نبي محمد صلى الله عليه وسلم یغ تيدق اد کراکوان فدان (تننغ داتغن درفد الله سبحانه وتعالى دان تننغ کسمفرنان کنندوغن). اي اداله سباکي فتتجوق کجالن یغ لوروس باکي اورغ ٢ یغ هندق برتقوي دغن مفرجاکن سکل سوروهنن دان منجاوهي سکل لاراغنن.

دالم کيت مباح القرآن اداله له بايک جک کيت دافة مهمي آية ٢ یغ کيت باج ایت. ففحياتن دان فهامن ایسي کنندوغن القرآن اکن دافة ملاهيرکن کيامان، منانکن کايخلاصن سکاليکوس کيت دافة معميل فغاچران دان فتتجوق یغ اد دالم القرآن دان دافة قول معملکنن دالم کهيدوفن. الله سبحانه وتعالى بر فرمان دالم سورة ص آية ٢٩:

تفسیر:

القرآن این سبواہ کتاب یغ کامي تورونکن کفد مو دان اومتمو واهي محمد، کتاب یغ بايق فائده ٢ دان منفتن، انتوق مريک مهمي دغن تليتي کنندوغن آية ٢٢، دان انتوق اورغ ٢ یغ برعقل سمفرنا بريغة معميل إعتبار.

منوروة إمام النواوی رحمه الله تعالى ددالم کتابين الأذکار اد مياتکن بهوا رمضان اداله بولن یغ تربايک انتوق مباح القرآن. سيمغن دالم بولن رمضان این بايق مجلس برتداروس القرآن داداکن سماء دمسجد، درومه، دفحابة، دسکوله دان سبايکن. إمام النواوی رحمه الله تعالى جوك برتدافة بهوا جک ساتو کومفولن ایت مباح القرآن سجارا برکتتي ٢ اتو برکيلير ٢، مک ایت اداله سوات لغکه اتو جارا یغ بايک. کتهويله کلبهين مباح دان ممفلاجري القرآن سجارا برامي ٢ اداله ساعة بسر کنجارنن له ٢ لاکي جک عمالن ترسوت دلاکوکن دمسجد.

مقصود:

دان تيدق برکومفول ساتو قوم دسوات رومه درفد رومه ٢ الله (مسجد) مريک ایت مباح القرآن دان ساليغ برتداروس أثارا مريک ملاينکن دتورونکن کأتس مريک کننغن، دسلوبوغي رحمة، دکليغي فارا ملائكة رحمة دان الله مغايغتنکن مريک فد سياف دسيسين.

أوله ایت ماريله کيت مربوت فلواغ انتوق مفربايقن مباح القرآن سماء سجارا برتداروس اتو برستورغن، دان اداله له بايک جک کيت دافة مباحن سهيغک ختم بجان تیک فولوه جزء. کتهويله، تردافة برفا فرکارا یغ دأنجورکن باکي اورغیغ هندق معتمکن بجان القرآن أثاران إياله اقبيل هندق معتمکن القرآن، دأنجورکن سفای منجموتن دان معمفونکن سانق سودارا دان راکن ٢ فد مجلس ترسوت دغن توجوان سفای اورغیغ حاضر اکن سام ٢ مندافة کيرکتن دان رحمة حاصل درفد بجان دعاء دالم مجلس ترسوت

ماريله کيت سام ٢ منيغکنکن کيامان دان کتقوان کفد الله سبحانه وتعالى، دغن فوه کيقينن دان کايخلاصن دغن ملاکوکن ملاکوکن سکل سوروهنن دان منيغکنکن سکل لاراغنن، له ٢ لاکي کتيک کيت براد دبولن رمضان دان ستروسن کيت منجادي إنسان یغ برلمان دان برتقوي سرت سلامة ددنیا دان أخره. أمين يا رب العالمين.

کيت برشکور کحضرة الله سبحانه وتعالى کران ماسيه مبري کسمفان انتوق کيت مليغکننداکن أوسها دان عمل عبادة دبولن رمضان یغ مبارک این. فد بولن این تله برلاکو سجاره أکوغ دالم إسلام يایت الله سبحانه وتعالى تله منورونکن کتاب سوجي القرآن کفد نبي محمد صلى الله عليه وسلم فد ١٧ رمضان، فرمان الله سبحانه وتعالى ددالم سورة الدخان آية ٣-٤:

تفسیر:

سسغکوهن کامي تله منورونکن القرآن ایت فد مالم یغ برکة، کامي بربوات دمکین کران سسغکوهن کامي سنتياس مبري فريغانتن دان أمارن. کامي منورونکن القرآن فد مالم یغ ترسوت کران فد مالم یغ برکة ایت، دجلسکن کفد ملائكة ٢ فکارا یغ مغندوغي حکمة سرت تنف برلاکو، (تيدق برأوبه اتو برتوکر).

القرآن دتورونکن کفد نبي محمد صلى الله عليه وسلم ملالوي ملائكة جبريل عليه السلام سجارا برفریغکة ٢، سدیکيت دمي سدیکيت، ترديري درفد برفا آية، اتو کادغ ٢ جوك سورة یغ فينديق. القرآن دتورونکن تروس منروس سلما دوا قولوه تیک تاهون يایت تیک بلس تاهون دمکه دان سفولوه تاهون دمدينه.

القرآن مروفاکن معجرة أکوغ نبي محمد صلى الله عليه وسلم. القرآن ایت اداله نور (جهيا) دان فمباوا برکه، فمري فتتجوق کجالن یغ لوروس سرت مبابوا مانسي کجالن یغ سلامة ددنیا دان أخره. سباکي أومة إسلام، کيت هندقله معأکوغنکن دان ملباکن القرآن دغن منجاک کسوجينن، مباحن سرت معملکنن أجارن یغ ترکندوغ ددالم.

مباح القرآن اداله عمالن یغ ساعة دتنتوت دالم إسلام. تردافة بايق کلبهين دان کنجارن باکي اورغ ٢ یغ مباح القرآن أثاران اکن مندافة رحمة، کمليان دان کننغن. هاتي مريک یغ مباح القرآن جوك دليمفهي دغن جهيا اوله الله سبحانه وتعالى دان دفليهارا درفد ککلغن. مريک جوك اکن سنتياس دالم فمليهاران دان فنجکان الله سبحانه وتعالى، مندافة شفاة فد هاري قيامة کلق، مفرأوليهي کدودوقن یغ تيغکي دالم شرک بهکن إيوياف مريک جوك مندافة رحمة دري الله سبحانه وتعالى.

47 peserta SLP menamatkan OJT



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid menyampaikan sijil kepada peserta Skim Latihan dan Pekerjaan yang menamatkan 'On-The-Job Training'. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai 47 peserta Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) yang menamatkan 'On-The-Job Training' (OJT) selama enam bulan di syarikat-syarikat tempatan menerima sijil penghargaan mereka daripada Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) pada 11 Julai 2012.

Daripada jumlah tersebut seramai 14 orang mengikuti latihan jawatan buruh kedai; sepuluh sebagai jurujual; sem-

bilan sebagai barista dan 14 sebagai pembersih am.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil-sijil tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Majlis juga diteruskan dengan penandatanganan kontrak perjanjian di bawah SLP dengan 14 syarikat yang terlibat iaitu First Emporium and Supermarket; Sunnew Enterprise Company; Syarikat Perniagaan Makfina; Underten Valuemark; Kim Hoe Hardware Sendirian Berhad; Kim Sing Industries Ltd.; Liang Toon Department Store; Newton Plant and Equipment Sendirian Berhad; Babeland Trading Company; Chop Hock Huat; Vigece Trading Company; Borneo United Enterprise Sendirian Berhad; Olive Tree Corporation (B) Sendirian Berhad dan Millenium Fastfood and Restaurant.

Seramai 36 daripada 47 pelatih akan menyertai peringkat ketiga SLP iaitu bekerja secara tetap selama dua tahun dengan syarikat-syarikat yang terlibat.

Majlis Penandatanganan Kontrak ini turut disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Menandatangani kontrak perjanjian

ialah Ketua APTK, Awang Mawardi bin Haji Mohamad berserta wakil-wakil syarikat yang terlibat dan para peserta SLP.

Majlis antara lain menggalakkan anak-anak tempatan mengisikan jawatan-jawatan yang termasuk di dalam dasar SLP (dihhususkan pada tujuh jawatan seperti jurujual, juruwang, penyelia, buruh kedai, pemandu, pembuat roti dan pemotong daging).

Ini adalah berikutan pemotongan atau pengurangan kuota pekerja-pekerja asing bagi syarikat-syarikat yang berpotensi dalam memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tetap berpandukan kepada tarikh mansuh Lesen Pengambilan Pekerja Asing iaitu pada September 2012.

Dengan dukungan skim latihan ini Pencari Kerja Tempatan (PKT) akan dapat bekerja lebih lama di syarikat yang sama yang mana mereka ditempatkan dan diharap akan dapat membantu menukar *mindset* para PKT dan majikan di sektor swasta untuk mengurangkan ketergantungan majikan kepada pekerja asing dan sebaliknya memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Di samping itu, para peserta SLP ini juga akan diberikan insentif kewangan

bagi Tahun Pertama sebanyak BND1,000 dan Tahun Kedua sebanyak BND1,500 daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Para majikan diseru agar dapat memberikan sokongan dan kerjasama dalam pengambilan anak tempatan dengan memberikan pengalaman bekerja berserta insentif seperti yang dilakukan di salah sebuah syarikat swasta dengan memberikan Tambang Umrah berserta wang perbelanjaan sebanyak BND2,000 kepada pekerja tempatan yang bekerja lebih daripada tiga tahun dan Tambang Haji berserta wang perbelanjaan sebanyak BND3,000 kepada pekerja yang berkhidmat selama tujuh tahun.

Selain itu, majikan juga disarankan sentiasa menjaga kesejahteraan pekerja (*work life balance*) seperti waktu sembahyang Jumaat dan waktu rehat, tempat bekerja mempunyai bilik rehat yang bersih dan teratur, mengikut Perintah Pekerjaan 2009 (Employment Order 2009) terutama waktu bekerja dan bekerja lebih masa (*overtime*), memberikan bimbingan semasa bekerja serta mengadakan sesi dialog dengan pekerja-pekerja.

Projek 'Penanaman Pokok Luba' bawa kejayaan MPK Long Mayan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG. - Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Long Mayan dan penduduk-penduduk kampung berkenaan yang menyertai Anugerah Kampung Cemerlang bagi produk 'Satu Kampung Satu Produk' bagi Kampung Long

Mayan menerima sijil penghargaan dalam Majlis Kesyukuran Anugerah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji

Muhammad Suffian bin Haji Bungsu pada majlis yang berlangsung di Balai Raya Kampung Long Mayan pada 6 Julai 2012.

MPK Long Mayan memilih projek 'Penanaman Pokok Luba' sebagai produk 'Satu Kampung Satu Produk' bagi penyertaan kampung tersebut

ke Anugerah Kampung Cemerlang Kali Kedua yang diadakan pada bulan April yang lalu.

Projek 'Penanaman Pokok Luba' Kampung Long Mayan dipelopori oleh seorang penduduk kampung iaitu Awang Sabtu bin Luin pada tahun 1988.

Melihat pada kejayaan beliau dalam usaha menanam pokok tersebut, ianya telah menarik minat MPK Long Mayan bagi mengangkat Pokok Luba sebagai produk 'Satu Kampung Satu Produk'.

Juga hadir, Ahli-ahli Mesyuarat Negara, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua

Kampung Daerah Tutong dan penduduk sekitarnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti pula dengan bacaan Doa Kesyukur dan kemudiannya bacaan Doa Arwah Sekampung bagi penduduk-penduduk Kampung Long Mayan yang telah kembali ke rahmatullah.

Ahli-ahli MPK RPN Rimba menerima sijil lantikan

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

RIMBA. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan I Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba mengadakan Majlis Penghargaan Ahli Jawatankuasa (AJK) MPK dan Biro Wanita MPK Sesi 2007-2012 bertempat di Dewan Sukma Indera, Sekolah Rendah Rimba II pada 16 Julai 2012.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penasihat MPK Rimba, Pengiran Haji Manshor bin Pengiran Haji Jaya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Warith bin Haji Raini.

Sementara itu, Ketua Kampung RPN Kampung Rimba, Awang Adanan bin Taha, selaku Pengerusi MPK Rimba dalam ucapannya menyatakan, selama lima tahun yang lalu AJK MPK Rimba telah mencapai beberapa kejayaan yang membanggakan di dalam mengendalikan beberapa projek dan aktiviti dengan lancar dan sempurna.

"Ini adalah hasil kerjasama dari semua ahli MPK serta keluarga masing-masing yang telah memberikan komitmen yang bersungguh-sungguh yang tidak mengenai penat lelah atau mengira masa dan



PENASIHAT Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rimba, Pengiran Haji Manshor bin Pengiran Haji Jaya semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang ahli MPK Rimba.

waktu yang disumbangkan," ujarnya.

Penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada AJK MPK dan Biro Wanita MPK sesi 2007-2012 dan sijil lantikan AJK MPK, Biro Wanita dan Belia Beliawanis MPK sesi 2012-2017 disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Seramai 54 ahli baru iaitu 21 AJK MPK Rimba, 15 ahli Biro Wanita dan 18 Belia Beliawanis diberikan kepercayaan untuk sama-sama berganding bahu memajukan MPK Rimba.

100 pencari kerja ikuti taklimat SLP

Oleh : Haniza Abdul Latif Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN. - Lebih seratus pencari kerja tempatan yang berdaftar di Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menghadiri Taklimat Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) bagi jawatan buruh, jurujual dan pemandu di bawah Industri Perdagangan, jual borong dan jual runcit.

Taklimat mengenai skim tersebut disampaikan oleh Pegawai Kaunseling, APTK, Dayang A'zeezah binti Mohd. Ali di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat KHEDN pada 7 Julai 2012.

Sebanyak 62 jawatan kosong di bawah sepuluh syarikat ditawarkan kepada para pencari kerja tempatan untuk ditempatkan 'On-the-Job Training' (OJT) di syarikat-syarikat

berkenaan selama tiga bulan bagi jawatan sebagai buruh kedai, pemandu dan jurujual.

Para peserta yang dipilih untuk ditempatkan OJT selama tiga bulan berkemungkinan akan diberi peluang untuk bekerja terus, manakala bagi pencari kerja tempatan lain yang kurang berkelayakan akan ditawarkan kepada pekerjaan lain.

Taklimat antara lain bertujuan untuk memberi peluang anak-anak tempatan untuk diberikan kemahiran-kemahiran kerja yang bersesuaian bagi menyahut Wawasan Brunei 2035 serta memberikan anak-anak tempatan pengalaman bekerja.

Ia juga untuk menjadikan mereka lebih *employable* dan mahu bekerja di sektor swasta secara tetap selain menggalakkan mereka bekerja lebih



PEGAWAI Kaunseling, Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Dayang A'zeezah binti Mohd. Ali menyampaikan Taklimat Skim Latihan dan Pekerjaan.

lama di syarikat yang sama sekali gus membantu menukar *mindset* yang melihat pekerjaan di sektor swasta sebagai sementara sahaja untuk menunggu pekerjaan di sektor kerajaan.

Dengan adanya skim sedemikian akan turut membantu dalam mengurangkan jumlah pencari kerja tempatan berkelulusan rendah dan tiada kemahiran serta dapat mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini selain mengurangkan ketergantungan majikan kepada pekerja asing dan sebaliknya memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.



SEBAGIAN pencari kerja tempatan yang berdaftar di APTK, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mendengarkan taklimat.

Berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara

Oleh : Abu Bakar Haji Abd Rahman, Haniza Abdul Latif, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Bagi Tahun 1433 Hijriah berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Kebangkitan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1433 Hijriah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja yang lain.

Berangkat sama ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Pada majlis itu Kebawah DYMM juga berkenan mengurniakan titah dan menganugerahkan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara tahun ini dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad dalam sembah alu-aluannya antara lain menyambangkan bahawa bagi meningkatkan lagi pencapaian peserta-peserta dalam bidang menghafaz ayat-ayat suci Al-Qur'an, pada tahun ini diadakan perubahan dari segi surah dan pemahamannya bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Bagi Kategori 'A', jelas Yang Berhormat, dibuat sedikit penambahan surah

yang difikirkan sesuai dengan peringkat umur sepuluh tahun ke bawah iaitu Surah Al Insiyiqaaq, Surah Al Buruj, Surah Al-Ghaasyiyah, Surah Al Balad, Surah Ash-Syams dan ayat-ayat lazim bermula dari Surah Adh Dhuhaa hingga Surah An Naas berserta pemahaman Surah Al Muthaffifiin dan Surah Al 'Alaq.

Yang Berhormat menambah, bagi Kategori 'B' peringkat umur 15 tahun ke bawah menghafaz Surah As Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ad Dukhan, Surah Ar Rahman, Surah Al-Waaqi'ah, Surah Al Hasyr dan Surah Al Mulik berserta pemahaman Surah Al Kahfi.

Bagi Kategori 'C' menghafaz 15 juz Al-Qur'an, jelas Yang Berhormat iaitu daripada juz 1 hingga juz 15 berserta pemahaman juz 6 terbuka kepada semua peringkat umur dan kategori terakhir iaitu Kategori 'D' menghafaz 30 juz Al-Qur'an berserta pemahaman juz 17 terbuka kepada semua peringkat umur.

Menurutnya, dalam semua peringkat kategori yang dipertandingkan menunjukkan adanya peningkatan dari semasa ke semasa, bukan sahaja dari segi hafalan, malah juga dari segi kefahaman terhadap isi kandungan Al-Qur'an itu sendiri.

Yang Berhormat menambah, ini menunjukkan rakyat Brunei telah mulai mengambil berat tentang perkara ini dan berusaha pada menghayatinya.

Sementara itu Ceramah Khas mengenai 'Al-Qur'an Sumber Inspirasi' disampaikan oleh Ketua Pendakwa Syarie, Awang Haji Johar bin Haji Mohammad.

Atur cara diteruskan dengan perumuman keputusan 'Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1433 Hijriah' dibacakan oleh Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah, selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Sejurus selepas perumuman keputusan tersebut, para pemenang tempat pertama dari setiap kategori mempersembahkan bacaan hafalan berserta pemahamannya. Majlis juga diserikan dengan persembahan nasyyid daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Jabatan

Kategori 'D' dengan membawa pulang BND4,500 berserta piala dan juga sijil.

Kategori tersebut menghafaz 30 juz Al-Qur'an berserta pemahaman juz 17, terbuka kepada semua peringkat umur.

Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan pada kali ini berjaya mencatatkan peningkatan dalam semua aspek penilaian berbanding pertandingan pada peringkat separuh akhir dan pemilihan awal.

15 tahun ke bawah.

Manakala johan Kategori 'C' ialah Dayang Amal Saliha binti Haji Hussin yang memperolehi markah 95.29 peratus dan membawa pulang BND2,800, piala iringan serta sijil.

Para peserta bagi kategori tersebut menghafaz 15 juz Al-Qur'an iaitu daripada juz 1 hingga juz 15 berserta pemahaman juz 6, terbuka kepada semua peringkat umur.

Seorang lagi peserta Awang Mohammad Wahyuni bin Haji Mohd. Mansor yang memperolehi markah 81.50 peratus berjaya menjuarai

dan Surah Al 'Alaq bagi yang berumur sepuluh tahun ke bawah.

Sementara itu, Awangku Muhammad 'Ashim 'Afif bin Pengiran Haji Md. Zin menduduki tempat pertama dengan memperolehi markah 98.71 peratus bagi Kategori 'B' membawa pulang BND2,000, piala iringan dan sijil.

Kategori ini menghafaz Surah As Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ad Dukhan, Surah Ar Rahman, Surah Al-Waaqi'ah, Surah Al Hasyr dan Surah Al Mulik berserta pemahaman Surah Al Kahfi bagi yang berumur

Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran muncul johan setelah memperolehi markah 96.78 peratus bagi Kategori 'A' dengan membawa pulang wang tunai BND1,500 berserta piala iringan dan sijil.

Kategori tersebut menghafaz Surah Al Insiyiqaaq, Surah Al Buruj, Surah Al-Ghaasyiyah, Surah Al Balad, Surah Ash-Syams dan ayat-ayat lazim bermula daripada Surah Adh Dhuhaa hingga Surah An Naas berserta pemahaman Surah Al Muthaffifiin

Berkenan menganugerahkan hadiah Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada johan Kategori 'B', Awangku Muhammad 'Ashim 'Afif bin Pengiran Haji Md. Zin (kiri), johan Kategori 'A', Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran (tengah) dan johan Kategori 'C', Dayang Amal Saliha binti Haji Hussin (kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah kepada para pemenang Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1433 Hijriah dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara berlangsung di Dewan Plenary, Pusat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Bagi Tahun 1433 Hijriah



Perdana Menteri.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

Tema Sambutan Nuzul Al-Qur'an tahun ini ialah 'Al-Qur'an Sumber Inspirasi' yang mana tema ini adalah wajar, tepat dan menarik kerana Al-Qur'an adalah ibu segala kitab dari langit, sumber cahaya kehidupan dan lautan yang tidak pernah kering airnya.

Al-Qur'an bukan sahaja mukjizat tetapi juga penyelesaian umat di dunia dan Akhirat.

Majlis sambutan tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan PDB.



